

Rujukan kami: ST(IP/OT)16/1/4(1)

Tarikh : 31 Mac 2003.

Edaran Kepada Semua Pengilang Dan Pengimpot

The Electrical and Electronic Association of Malaysia
(TEEAM)
5-B, Jalan Gelugor off Jalan Kenanga
55200 Kuala Lumpur.

Malaysian Electrical Appliances Distributor Association
(MEADA)
P.O Box 12326
50774 Kuala Lumpur.

Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia
No.3, Persiaran Dagang, PJU 9
Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur.

SIRIM QAS Sdn. Bhd.
1, Persiaran Dato' Menteri
P.O Box 7035, Section 2
40911 Shah Alam.
(www.sirim.my)

Tuan,

**SURAT PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BILANGAN 1 TAHUN
2003 (BIL. 1/2003).**

- **Prosedur Serta Syarat-Syarat Untuk Mendapatkan Perakuan Kelulusan Mengilang, Mengimport, Mempamer, Menjual, Atau Mengiklan Kelengkapan Elektrik.**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan bagi memaklumkan prosidur serta syarat-syarat untuk mendapatkan Perakuan Kelulusan mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklan yang akan mula berkuatkuasa mulai 1hb. Jun, 2003. Senarai Kelengkapan elektrik yang dikawal oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan standard-standard yang digunapakai adalah seperti di **Lampiran A**. Sebarang pindaan kepada senarai ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

2. Prosedur Permohonan.

Permohonan perlu dibuat dengan menggunakan borang ST(PE)3 yang telah dilengkapi berserta dengan:-

- i) Fee pemprosesan sebanyak RM20.00;
- ii) Laporan Ujian Jenis termasuk senarai komponen;
- iii) Buku panduan kendali (instruction manual);
- iv) Spesifikasi teknikal dan katalog; dan
- v) Keperluan mengemukakan satu sampel akan dimaklumkan jika difikirkan perlu.

3. **Laporan Ujian Jenis**

- a) Laporan ujian jenis yang diperakukan adalah dari:-
 - i) SIRIM Berhad atau makmal-makmal yang diakredit di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia oleh Jabatan Standard Malaysia (DSM); atau
 - ii) makmal-makmal di bawah IECEE CB Scheme. Senarai makmal-makmal tersebut boleh dicapai melalui laman web [http:// www.cbscheme.org](http://www.cbscheme.org) (Senarai dilampiran ini akan dikemaskini oleh IECEE dari masa ke semasa jika terdapat perubahan). Laporan-laporan ujian CB (CB test report) yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan sijil ujian CB (CB Test Certificate); atau
 - iii) makmal-makmal (dalam skop akreditasinya) yang diakredit oleh badan-badan akreditasi yang telah menandatangani Asia Pacific Laboratory Accreditation Cooperation (APLAC) MRA - www.aplac.org. Laporan-laporan ujian perlu disertakan surat pengesahan makmal diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia (DSM)
- b) Bagi (ii) dan (iii), pengujian perlu mengambil kira keperluan *national deviation* negara Malaysia. Jika tidak, ujian-ujian tambahan perlu dijalankan di SIRIM umpamanya pengujian pada kadar voltan 240V bagi 1 fasa atau 415V bagi 3 fasa dan frekuensinya adalah 50Hz.
- c) Laporan ujian mestilah dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

4. **Fee Tahunan**

Fee tahunan adalah RM200.00 bagi 240V (1 fasa) dan RM300.00 bagi 415V (3 fasa). Fee perlu dijelaskan setelah kelulusan diperolehi iaitu sebelum pengeluaran Perakuan Kelulusan.

5. **Keperluan Bagi Mengilang**

Kelengkapan-kelengkapan elektrik yang diluluskan untuk dikilang hendaklah memasuki **Skim Pengesahan Barangan SIRIM** dan hendaklah **dilekatkan dengan label yang dikeluarkan oleh SIRIM.**

6. **Keperluan Bagi Mengimport**

Kelengkapan-kelengkapan elektrik yang diluluskan untuk diimport hendaklah melalui **ujian konsaimen** oleh SIRIM bagi setiap konsaimen dalam tempoh sahlaku Perakuan Kelulusan dan hendaklah **dilekatkan dengan label yang dikeluarkan oleh SIRIM.**

7. **Tarikh Kuatkuasa**

Surat Pekeliling ini akan mula berkuatkuasa pada 1hb. Jun 2003.

8. **Semasa Peralihan**

- a) Semua Perakuan Kelulusan mengimport yang telah diluluskan sebelum tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini dan masih dalam tempoh sahlaku hendaklah menjalani ujian konsaimen dan menggunakan label yang dikeluarkan oleh SIRIM mulai tarikh kuatkuasa.
- b) Sebarang permohonan pembaharuan Perakuan Kelulusan mengilang atau mengimport mulai tarikh kuatkuasa atau selepas daripada itu hendaklah memenuhi prosidur dan syarat-syarat seperti yang terkandung dalam pekeliling ini.

9. **Pembatalan**

Surat ST rujukan ST(IP)K1/1(13) bertarikh 24 Januari 2003, surat Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas rujukan JBE(IP)KT/5(41) bertarikh 3 Disember 1997 dan JBE(IP)KT/5 Jld. 1 bertarikh 12 Disember 1998 adalah dibatalkan.

t.t

(IR. HAJI YAAKUB BIN BACHIK)
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif,
(Operasi dan Teknikal)
Suruhanjaya Tenaga.

- s.k:-
1. Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia
Aras 1&2, Blok C4, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya.
(www.dsm.gov.my)
 2. Ketua Merinyu Sarawak
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri
Tingkat 18, Wisma Bapa Malaysia
Petra Jaya
93502 Kuching.